

**SIARAN AKHBAR**

**UNTUK EDARAN SEGERA**

**MAYBANK ASSET MANAGEMENT MELANCARKAN DANA WAKAF  
PERTAMANYA DALAM MENGGALAKKAN PELABURAN YANG LEBIH  
BERMAKNA**

PUTRAJAYA, 7 Mei 2021 - Maybank Asset Management Sdn Bhd (“Maybank Asset Management”) hari ini telah melancarkan produk pelaburan dana Islam runcit patuh Syariah pertamanya yang bercirikan wakaf iaitu Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf (“Dana”).

Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia, Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri di Kompleks Islam Putrajaya.

Tujuan utama dana ini adalah untuk penjanaan pendapatan dan pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana dan panjang melalui pelaburan dalam portfolio pasaran sukuk, ekuiti patuh syariah dan / atau skim pelaburan kolektif dan menyalurkan sebahagian daripada pendapatan bagi tujuan wakaf.

Ahmad Najib Nazlan, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management berkata, “Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf merupakan peluang kepada pelabur-pelabur yang berhasrat menderma atau menginfaqkan sebahagian daripada pendapatan tahunan pelaburan mereka bagi tujuan wakaf, yang akan digunakan untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik, terutamanya dalam bidang pendidikan, kesihatan, alam sekitar dan pembangunan ekonomi.”

Jelasnya juga, “dana yang diwujudkan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Maybank Asset Management untuk memperkasa dan memperluaskan usaha-usaha berkaitan wakaf. Perkara ini selari dengan Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf yang telah diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti baru-baru ini bertujuan untuk memberi kemudahan dan menyokong usaha dalam pembangunan wakaf di negara ini.”

“Dana ini sesuai untuk mereka yang ingin melabur dalam portfolio asset yang pelbagai, patuh syariah, dan dalam masa yang sama berhasrat menyalurkan pendapatan tambahan mereka untuk tujuan wakaf melalui Yayasan Waqaf Malaysia, iaitu benefisiari strategik Maybank Asset Management.”

Tambahnya lagi, “dana ini dilihat sebagai pelaburan yang lebih bermakna kerana ia akan memupuk kesedaran sivik, tanggungjawab sosial dan kesejahteraan rohani ke arah mewujudkan perubahan positif bagi golongan yang kurang bernasib baik.”

Maybank Asset Management telah bekerjasama dan bersetuju melantik Yayasan Waqaf Malaysia sebagai penerima dan pengurus dana wakaf. Yayasan Waqaf Malaysia merupakan entiti wakaf Kebangsaan yang ditubuhkan pada tahun 2008, dengan peranan utamanya sebagai pemudahcara dan membantu Majlis Agama Islam Negeri dalam membangunkan aset-aset wakaf sedia ada, mewujudkan wakaf baru dan membangunkan ekonomi ummah melalui instrumen wakaf. Agenda ini dapat direalisasikan melalui inisiatif baru yang lebih berfokus dan bersasar seperti jalinan kerjasama strategik bersama sektor korporat dalam meningkatkan dana wakaf di peringkat Nasional.

Sementara itu, Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Yayasan Waqaf Malaysia berkata, “menerusi Belanjawan 2021, pihak Kerajaan komited dalam memperkasakan pengurusan wakaf dengan memberi penekanan terhadap peranan wakaf sebagai sebahagian daripada agenda inklusif Kerajaan melalui Kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia dengan agensi Kerajaan Persekutuan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).”

“Sebagai tambahan, wakaf boleh dijadikan sebagai sektor ketiga Negara yang menjadi pelengkap kepada sektor awam dan swasta. Masyarakat dan pelabur boleh menyumbang sebahagian atau keseluruhan pendapatan yang diperolehi kepada dana wakaf melalui platform yang disediakan hasil kerjasama ini.”

Beliau turut menjelaskan, “dana wakaf yang diterima hasil kerjasama ini dinamakan sebagai Maybank Cash Waqf dan diurus sepertimana wakaf tunai sedia ada di Yayasan Waqaf Malaysia. Memandangkan wakaf tunai Yayasan Waqaf Malaysia adalah sebuah projek berkepentingan nasional, bagi setiap dana yang diwakafkan, para pelabur layak menikmati potongan cukai tertakluk kepada 7% kepada individu dan 10% kepada syarikat daripada pendapatan agregat tahunan di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.”

Tambahnya juga, “setiap dana wakaf yang diterima melalui Maybank Cash Waqf akan diagihkan kepada projek-projek wakaf yang telah dikenalpasti di seluruh Negara dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal hartanah wakaf di negeri masing-masing.”

Tertakluk kepada pendapatan yang akan dijana, dana Mixed Assets-I Waqf menyasarkan untuk mengagihkan 2.5% pertama atau 50% daripada pendapatan yang dijana, yang mana lebih tinggi, bagi tujuan wakaf.

Buat masa sekarang, dana ini hanya ditawarkan dalam Ringgit Malaysia. Dengan harga permulaan setiap unit adalah RM0.50 dan jumlah pelaburan minimum berjumlah RM100.00, menjadikan dana ini sebagai dana mampu milik yang boleh menarik lebih ramai lagi pelabur.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai dana ini, pelabur boleh layari [www.maybank-am.com.my](http://www.maybank-am.com.my) dan membuat pelaburan melalui ejen sah Maybank Asset Management, cawangan-cawangan Maybank dan Maybank2u.

-TAMAT-

### **About Maybank Asset Management Sdn. Bhd.**

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. is a subsidiary of Maybank Asset Management Group Berhad (MAMG) and is owned by Malayan Banking Berhad (Maybank) and Permodalan Nasional Berhad (PNB) as its asset management arm.

MAMG is one of the pioneers in the local asset management industry with a highly capable fund management team, averaging over 20 years of investment experience and expertise in Asian markets. It has presence across three (3) Asean key markets namely, Malaysia, Singapore and Indonesia offering Asian based investment solutions encompassing both conventional and Islamic assets. The portfolio management services cater to all types of investors including corporate and institutions, high net-worth individuals and mass retail.

MAMG has a strong foothold in ASEAN with strategic intent to enhance its investment capabilities with on-the-ground market intelligence and expertise as well as expanding its regional distribution capabilities to market products cross-border. MAMG's AUM stands at MYR 32.2 billion as at 31 March 2021.

### **Mengenai Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia merupakan entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Penubuhannya adalah di bawah inisiatif Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Yayasan Waqaf Malaysia dan maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf, pelabur boleh layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

**For media editorial inquiries, please contact:**

**Maybank Asset Management**

Michele Wong at [michele.wong@maybank.com](mailto:michele.wong@maybank.com)

Zulaikha Shawaludin at [zulaikha.shawaludin@maybank.com](mailto:zulaikha.shawaludin@maybank.com)

**Yayasan Waqaf Malaysia**

Haidatul Azia Husin at [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)

Nur Ain Mohd Nazri at [nurain.nazri@ywm.gov.my](mailto:nurain.nazri@ywm.gov.my)

### **Disclaimer**

This news release has been prepared by Maybank Asset Management Sdn Bhd (herein referred to as "Maybank Asset Management"). All information contained within this news release is for general information only and does not constitute any professional advice. It does not have any regard to the specific objectives, financial situation and particular needs of any specific person and is based on information obtained from sources believed to be reliable. The information, materials & contents provided in this news release, including but not limited to products, data, text, images, graphics, audio, video, links or other items (hereinafter collectively referred to as 'Information') are provided by Maybank Asset Management for general information purposes only. The Information is subject to change without notice.

Maybank Asset Management does not make any representations or warranties of any kind express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to this news release or the Information. Without derogation of the above, reasonable measures will be taken by Maybank Asset Management to ensure the accuracy and validity of the Information provided in this news release. An investment into any financial products mentioned in this news release is not intended to be a complete investment solution. The prospective investor should carefully consider if the product is suitable for them in view of their entire investment portfolio - including their financial circumstance and resources.

An investment into any financial products mentioned in this news release carries risks and may not be suitable for persons who are averse to such risks. The investor should refer to the relevant prospectus/information memorandum for inherent risks of investing in the financial products. Unless otherwise indicated, the copyright/trademarks in this news release and its contents, including but not limited to the text, images, graphics, service marks, logos, sound files and video files are the property of the Maybank Asset Management, and are protected by applicable laws. No part or parts of this news release may be modified, copied, distributed, retransmitted, broadcasted, displayed, performed, reproduced, published, licensed, transferred, sold or commercially dealt with in any manner without prior express written consent of Maybank Asset Management.

In no event shall Maybank Asset Management be liable for any loss or damages howsoever arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any other basis, including without limitation, direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages arising i) from incompleteness, inaccuracy, unreliability, unsuitability or unavailability with respect to this news release or the Information and/or reliance thereon; ii) in connection with the inability to access or use this news release due to any technical, hardware or software failure of any kind, interruption, error, omission, delay in operation, computer viruses, or otherwise; or iii) from reproduction or use of the Information/copyright/trademark. If you are dissatisfied with any portion of this news release, or with any terms of its use, your sole and exclusive remedy is to discontinue using this news release.